

Malaysia Airports pupuk kesedaran kebersihan tandas awam

KUALA LUMPUR 27 Dis. – Tandas adalah kemudahan awam paling asas dan kebersihannya amat penting kerana ia mencerminkan sifat dan imej masyarakat di sebuah negara sekali gus mampu meningkatkan imej negara di mata dunia.

Lebih-lebih lagi tandas awam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ataupun klia2 yang tentunya perlu sentiasa bersih bertepatan dengan kedudukannya sebagai pintu masuk utama Malaysia, malah memainkan peranan penting dalam memupuk persepsi awal pengunjung ke negara ini.

Apatah lagi jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan KLIA dilihat meningkat saban tahun. Sepanjang November 2017, KLIA mencatatkan sejumlah 53 juta pergerakan trafik penumpang dengan 72 peratus daripadanya adalah pelancong antarabangsa.

Atas kesedaran itu, Malaysia Airports Holdings Berhad (Malaysia Airports) mengambil inisiatif menganjurkan kempen *Pay It Forward* yang menekankan mengenai kepentingan penjagaan kebersihan tandas awam di lapangan terbang.

Kempen yang dilancarkan pada 14 Disember itu adalah untuk mendidik masyarakat berkaitan etika penggunaan tandas yang betul selain menggalakkan mereka bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran yang bersih untuk pengguna lain.

Dengan *tagline* 'Kan hebat jika kita bertimbang rasa? Balas kebaikan dengan kebaikan', diharapkan usaha yang dilakukan itu dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya sikap dan tanggungjawab terhadap penjagaan kebersihan tandas awam.

Melalui kempen tersebut, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk penambahan 224 tandas di terminal utama KLIA, yang dijangka siap sepenuhnya pada 2019.



Dengan *tagline* 'Kan hebat jika kita bertimbang rasa? Balas kebaikan dengan kebaikan', diharapkan usaha yang dilakukan itu dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya sikap dan tanggungjawab terhadap penjagaan kebersihan tandas awam.

Selain itu, Malaysia Airports turut bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan tandas.

Kepakaran yang tersedia di KPKT digunakan sepenuhnya untuk mendapat maklum balas melalui penilaian yang dilakukan yang mana berdasarkan penilaian itu, ia berjaya mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan pembersihan tandas di KLIA.

Sementara itu, Malaysia Airports turut mengadakan sesi taklimat dan latihan penilaian penarafan lima bintang ke atas tandas di KLIA yang dikendalikan KPKT kepada 170 warga kerja Malaysia Airports dan kontraktor pembersihan tandas. Pendekatan itu penting untuk memastikan tahap perkhidmatan dan tanda aras yang konsisten.

Lebih membanggakan sejak penggunaan sistem penara-

fan itu, Malaysia Airports telah berjaya meningkatkan kualiti perkhidmatan pembersihan yang mana sejak ia dimulakan, 29 peratus daripada tandas di KLIA telah mencapai taraf lima bintang hanya dalam tempoh dua minggu berbanding 17 peratus sebelumnya.

Antara penambahbaikan yang dibuat terhadap perkhidmatan pembersihan tandas adalah menetapkan prosedur pembersihan tandas dalam masa satu minit terutama di waktu puncak dan menggunakan teknologi nano dan sistem pengudaraan yang dinaik taraf bagi mengurangkan bau yang tidak menyenangkan.

Walaupun masih terdapat peningkatan yang perlu dilakukan, Malaysia Airports yakin inisiatif inisiatif yang diambil itu akan berjaya mencapai objektif dalam memastikan semua tandas di KLIA mencapai piawaian lima bintang dan memberi keselesaan kepada pengguna.

Dalam memastikan kempen anjurannya lebih berkesan, Malaysia Airports tidak hanya memupuk kesedaran di persekitaran KLIA, tetapi turut aktif mendidik generasi muda melalui penganjuran lawatan pihak sekolah ke lapangan terbang.

Melalui lawatan tersebut, murid-murid sekolah diajar bagaimana menggunakan kemudahan awam dengan berhemah. Inisiatif itu diharap dapat mendidik dan memupuk etika yang betul dalam minda masyarakat sejak dari kecil lagi.



TANDAS di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sentiasa dalam keadaan bersih dan teratur sehingga mampu mencapai piawaian lima bintang bagi memberi keselesaan kepada pengguna.

GUNA DENGAN BERHEMAH

Kan hebat jika bertimbang rasa?
Balas kebaikan dengan kebaikan

#TandasBersih

PENGUNA boleh memberi penilaian terhadap tahap kebersihan tandas di KLIA dan klia2.

